

**KERANGKA PENILAIAN KESENIAN
TRADISIONAL BERASASKAN USUL AL-
FIQH: KAJIAN KES MAK YONG DI NEGERI
KELANTAN**

**A Principle of Islamic Jurisprudence Evaluation
Framework for Traditional Performing Arts: A
Case Study of Mak Yong in Kelantan**

Ahmad Hafiz Hafifi Mohd Arif*

Mohd Anuar Ramli**

Muhammad Safwan Harun***

ABSTRACT

Traditional performing arts have long been a subject of debate within Muslim societies. The controversy arises between religious scholars, who generally advocate their prohibition, and cultural

* PhD Candidate, Department of Fiqh-Usul & Applied Sciences, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. E-mail: sarjanausuli@gmail.com

** Associate Professor, Department of Fiqh-Usul & Applied Sciences, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. (Corresponding Author) E-mail: mohdanuar@um.edu.my

*** Senior Lecturer, Department of Fiqh-Usul & Applied Sciences, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur. E-mail: safone_15@um.edu.my

practitioners, who seek to preserve them as part of the community's cultural heritage. This dilemma is exemplified by the Mak Yong performing art, which continues to be practised in the state of Kelantan, Malaysia. To address this issue, the present study proposes an analytical framework for evaluating traditional performing arts based on the discipline of uşul al-fiqh, employing five legal instruments closely associated with local cultural practices, namely 'illah, 'urf, maşlahah, faḥ al-dharā'i', and sadd al-dharā'i'. The study adopts a qualitative research design based on document analysis, applying these five uşul al-fiqh instruments in an integrated and systematic manner. The findings reveal that the original legal ruling of Mak Yong is one of permissibility as a form of traditional cultural entertainment. However, it becomes ḥarām li-ghayrih (prohibited due to external factors) when associated with acts of worship directed to other than Allah, unrestricted interaction between non-maḥram men and women, and practices that contravene the principles of Islamic law. From the perspective of 'urf, these elements are classified as 'urf fāsid (invalid custom) and must therefore be removed. The maşlahah analysis further demonstrates that the purported therapeutic benefits of Mak Yong do not attain the level of maşlahah shar'iyah recognised by Islamic law. The study also finds that the application of the principles of faḥ al-dharā'i' and sadd al-dharā'i' should be implemented progressively and accompanied by appropriate Sharī'ah-compliant alternatives. In conclusion, Mak Yong may continue to be performed as a form of cultural heritage, provided that it is comprehensively purified of all elements that contradict the teachings of Islam.

Keywords: *Kelantan, Mak Yong, Traditional Performing Arts, Uṣūl al-Fiqh, 'Urf (Custom)*

PENDAHULUAN

Kesenian tradisional adalah sebahagian daripada khazanah warisan dari zaman sebelum Islam. Ia membentuk identiti budaya masyarakat setempat di samping diamalkan dengan pelbagai tujuan seperti medium hiburan dan santai, terapi dan rawatan di samping berperanan juga sebagai medium sembah atau pemujaan.

Proses Islamisasi yang berlangsung dalam masyarakat Islam turut memberi dampak dan mewarnai persembahan kesenian tradisional masyarakat. Selari dengan itu, proses pemurnian berlaku dari semasa ke semasa agar kesenian yang diamalkan selaras dengan panduan Syariat. Pada masa kini, kesenian tradisional sering menimbulkan polemik hukum Islam, terutamanya apabila ia mengandungi unsur-unsur yang bercanggah dengan prinsip syariah, atau sebaliknya, apabila ia berpotensi untuk diteruskan sebagai medium pengekal warisan budaya yang berharga.

Mak Yong antara kesenian tradisional yang diperdebatkan. Biasanya, perbincangan tentang Mak Yong dan hukum Islam didominasi oleh dua aliran utama yang berbeza dari segi penghujahan. Aliran pertama berpandangan bahawa Mak Yong pada asalnya harus sebagai suatu bentuk seni, namun keharusannya tertakluk kepada pemurnian unsur-unsur yang bercanggah dengan syariah seperti pemujaan, khurafat, percampuran bebas antara lelaki dan perempuan serta kandungan yang menjejaskan akidah dan akhlak. Pendekatan ini disandarkan kepada kerangka usul fiqh melalui konsep *'urf ṣaḥīḥ* dan *'urf fāsid*,¹ *maqāṣid al-syarī'ah*

* PhD Candidate, Department of Fiqh-USul & Applied Sciences, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur. E-mail: sarjanausuli@gmail.com

** Associate Professor, Department of Fiqh-USul & Applied Sciences, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur. (Corresponding Author) E-mail: mohdanuar@um.edu.my.

*** Senior Lecturer, Department of Fiqh-USul & Applied Sciences, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur. E-mail: safone_15@um.edu.my

sebagai parameter penilaian seni dan hiburan,² prinsip siyāsah syar‘iyyah dalam pengawalan seni oleh pemerintah,³ serta autoriti fatwa rasmi yang menerima persembahan Mak Yong dalam bentuk patuh syariah selepas penyingkiran unsur-unsur yang bercanggah dengan syarak.⁴ Sebaliknya, aliran kedua berhujah bahawa larangan terhadap Mak Yong lebih dipengaruhi oleh dinamika politik Islam, konflik identiti dan dasar kebudayaan berbanding pertimbangan hukum yang bersifat neutral,⁵ di samping menegaskan bahawa pengubahsuaian seperti penghapusan watak wanita telah

-
- ¹ Muhammad Khairul Hafiz Noor Hissham, Mohd Anuar Ramli, dan Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar, “Unsur kearifan tempatan dalam seni persembahan Melayu-Islam: Analisis dari perspektif hukum Islam,” *Jurnal Fiqh* 16, no. 2 (2019): 321-352, <https://doi.org/10.22452/fiqh.vol16no2.4>.
- ² Nadiyah Hashim, Ahmad Rozaini Ali Hassan, Syaimak Ismail, Hajar Opir, Nurliyana Mohd Talib, dan Noor Azura Zainuddin, “Hiburan Dan Kesenian Di Malaysia: Maqasid Syariah Sebagai Indikator,” *International Journal Of Law, Government And Communication (IJLGC)* 10, no. 40 (2025): 234-243, <https://doi.org/10.35631/IJLGC.1040017>.
- ³ Mohd Asri Che Ibrahim dan Shukeri Mohamad, “Pelaksanaan Dasar Kesenian Di Negeri Kelantan dari tahun 1990 hingga 2015: Analisis Menurut Siasah Syar‘iyyah,” *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 17, no. 1 (2018): 97, <https://doi.org/10.37231/jimk.2018.17.1.265>.
- ⁴ “Irsyad al-Fatwa #3249: Mak Yong,” Zulkifli Mohamad al-Bakri, diakses pada 20 Jun 2026, <https://zulkifliabakri.com/artikel/mak-yong>; Nurulhuda Adabiah Mustafa dan Nuraisyah Chua Abdullah, “The Non-Shariah and Syariah Makyung in Kelantan: A Legal Critique,” *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 12, no. 11 (2022): 3114-3128, <https://dx.doi.org/10.6007/IJARBS/v12-i11/15767>.
- ⁵ Patricia Ann Hardwick, “Embodying the divine and the body politic: Mak Yong performance in rural Kelantan, Malaysia,” dalam *Performance, popular culture, and piety in Muslim Southeast Asia*, ed. Timothy P. Daniels (New York: Palgrave Macmillan US, 2013), 77-103.; Patricia Ann Hardwick, “Mak Yong, a UNESCO 'Masterpiece': Negotiating the Intangibles of Cultural Heritage and Politicized Islam,” *Asian Ethnology* 79, no. 1 (2020): 67–90, <https://doi.org/10.15119/00003124>.

menjejaskan keaslian warisan budaya yang diiktiraf UNESCO.⁶ Dapatan perbandingan di Indonesia pula menunjukkan bahawa Mak Yong terus diraikan sebagai warisan budaya tanpa melalui polemik hukum yang sama seperti di Malaysia, sekali gus menggambarkan bahawa konflik tersebut lebih bersifat kontekstual daripada universal.⁷ Walau bagaimanapun, penelitian terhadap kedua-dua aliran memperlihatkan bahawa perdebatan sedia ada masih tertumpu sama ada kepada justifikasi hukum atau kritikan budaya secara berasingan, sedangkan kajian yang mengintegrasikan analisis usul fiqh secara mendalam dan perspektif warisan budaya masih sangat terhad. Justeru, jurang ini membuka ruang kepada pembinaan suatu kerangka penilaian yang lebih komprehensif bagi menyeimbangkan tuntutan pemeliharaan syariah dengan kelestarian warisan budaya tradisional Melayu-Islam.

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan menjelaskan satu kerangka penilaian kesenian tradisional yang berasaskan disiplin usul fiqh, dengan menjadikan Mak Yong di negeri Kelantan sebagai kajian kes. Tiga objektif utama kajian ini adalah mengenal pasti instrumen-instrumen usul fiqh yang relevan dalam menilai kesenian tradisional dan mengaplikasikan kerangka yang dibangunkan

⁶ Kanit Sriporaya, "The Kelantan Mak Yong: Dancing Towards a Compromise Between Culture and Religion," *Harmonia: Journal of Arts Research and Education* 22, no. 1 (2022): 15-27, <http://dx.doi.org/10.15294/harmonia.v22i1.34913>.; Joseph Gonzales, "Makyung in Contemporary Malaysia: Strategies for Preservation and Proliferation," *Journal of Dance Education* 21, (2019): 82 – 91, <https://doi.org/10.1080/15290824.2019.1683564>.; Ghulam-Sarwar Yousof, "The Mak Yong Dance Theatre As Spiritual Heritage: Some Insights," *SPAJA Journal* 1, (2017): 1-9, <https://doi.org/10.26721/spafajournal.v1i0.160>.

⁷ Alan Darmawan, "A Methodological Examination of Multidisciplinary Research of Mak Yong Theatre: Text, Heritage, and Performance," *SPAJA Journal* 5, (2021): 1-11, <https://doi.org/10.26721/spafajournal.2021.v5.680>.; Alan Darmawan, "Erecting the submerged tree trunk: Mak Yong theatre and practices of traditionalisation in the Riau Islands, Indonesia," *Indonesia and the Malay World* 52, no. 152 (2024): 4-28, <https://doi.org/10.1080/13639811.2024.2294612>.

terhadap kesenian Mak Yong di Kelantan bagi menentukan kedudukan hukumnya.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan analisis dokumen. Data dikumpulkan daripada sumber-sumber primer dan sekunder yang berkaitan dengan kesenian Mak Yong di Kelantan serta sumber-sumber utama dalam disiplin usul fiqh. Sumber primer merangkumi Keputusan Fatwa MAIK 1992, Fail Mesyuarat Jamaah Ulama MAIK, dan minit mesyuarat Jamaah Ulama 1968. Sumber sekunder merangkumi kajian-kajian akademik tentang Mak Yong, kitab-kitab usul al-fiqh, dan tulisan-tulisan fuqaha silam dan kontemporari. Analisis dilakukan dengan mengaplikasikan kerangka lima instrumen usul fiqh yang telah dibangunkan dalam bahagian sebelumnya secara berurutan terhadap data yang dikumpulkan. Pendekatan ini memastikan bahawa setiap instrumen diaplikasikan secara konsisten dan sistematik, menghasilkan dapatan yang ditetapkan.

KERANGKA PENILAIAN KESENIAN TRADISIONAL BERASASKAN USUL AL-FIQH

Asasnya, Usul al-fiqh memainkan peranan penting dalam proses penentuan hukum atau ijtihad. Pelbagai instrumen hukum telah dibangunkan oleh ulama.⁸ Dalam kajian ini, 5 instrumen digunapakai. Ia disusun secara berurutan dan setiap instrumen memainkan fungsi yang berbeza dalam proses penilaian hukum. Kerangka ini direka bentuk agar boleh diaplikasikan kepada pelbagai bentuk kesenian tradisional, bukan terhad kepada Mak Yong sahaja.

Rasional Pemilihan dan Susunan Instrumen

Pemilihan kelima-lima instrumen ini berasaskan kepada dua kriteria utama. Pertama, keupayaan instrumen tersebut untuk menangani dimensi yang berbeza dalam penilaian kesenian; dan kedua,

⁸ Hiba, Lamine, Noor Naemah Abdul Rahman, dan Rushdi Ramli, “منهج البحث في علم أصول الفقه نحو تحديد المصطلح: Research Methodology in the Science of Jurisprudence Towards Defining the Term,” *Jurnal Fiqh* 20, no. 2 (2023): 291-314, <https://doi.org/10.22452/fiqh.vol20no2.5>.

sensitiviti instrumen tersebut terhadap nilai tempatan dan konteks budaya setempat. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Mahmood Zuhdi, beberapa instrumen usul fiqh secara dasarnya terdedah kepada pengaruh nilai tempatan, menjadikannya amat sesuai untuk penilaian isu-isu budaya yang bersifat setempat.⁹

Instrumen pertama, instrumen *'illah*, iaitu sifat yang menjadi petanda wujudnya hukum. Apabila ada sifat tersebut, maka wujudlah hukum.¹⁰ Ia adalah sifat zahir yang dapat diukur yang sejalan dengan suatu hukum dalam mencapai suatu kemaslahatan, berupa manfaat atau menghindarkan kemudaratan bagi manusia. *'Illah* berfungsi sebagai komponen awal untuk menentukan punca sebenar sesuatu pengharaman atau pengharusan. Ini penting kerana tanpa penentuan *'illah* yang tepat, penilaian hukum yang dihasilkan mungkin terlalu luas atau terlalu sempit serta tidak konsisten.¹¹

Mahmood Zuhdi berpendapat bahawa pengaruh tempatan ini menjadi lebih ketara apabila berlaku kes di mana *'illah* itu sendiri tidak dinyatakan secara jelas dalam fasa penurunan wahyu. Nilai tempatan memiliki pengaruh dalam menentukan *al-munāsib al-muṭṭarid* yang merupakan salah satu aspek yang perlu dipertimbangkan sebagai asas pengiktirafan kepada *'illah* dalam sesebuah proses *qiyās*. Hal ini kerana sesuatu sifat yang dinilai relevan disisi masyarakat mungkin akan dinilai sebaliknya oleh masyarakat yang lain disebabkan perbezaan budaya hidup.¹² Sedia maklum dalam perbincangan usul fiqh, *al-munāsib* merujuk kepada salah satu pendekatan untuk menetapkan *'illah* menerusi kaedah *ijtihād*. Ia juga turut dikenali dengan istilah *al-ikhālah* kerana sifat tersebut dijadikan *'illah* kepada sesebuah hukum, namun ianya

⁹ Mahmood Zuhdi Abdul Majid, *Transformasi Fikah Semasa* (Selangor: PTS Islamika Sdn Bhd, 2010), 225-228.

¹⁰ Muḥammad ibn 'Alī Al-Syawkānī, *Irsyād al-Fuḥūl ilā Taḥqīq al-Ḥaqq min 'Ilm al-Uṣūl* (Riyād: Dār al-Faḍīlah li al-Nashr wa al-Tawzī', 2000), 2: 870.

¹¹ Mohamad Iqbal Mohd Kasim et al., "Definition of Al-'Illah: Viewing Through Aspects of Arabic Language and Iṣṭilāḥ (Terminological) of Usul Fiqh Scholars," *Perdana: International Journal of Academic Research* 21, no. 1 (2024): 1-8.

¹² Mahmood Zuhdi Abdul Majid, *Transformasi Fikah Semasa*, 228.

berdasarkan hanya *zan* (angkaan) semata.¹³ Revelansi antara teori *al-munāsabah* dengan elemen tempatan ini adalah sebagaimana yang dihuraikan oleh al-Ghazālī bahawa pemilihan sesuatu sifat itu sebagai '*illah* mestilah mengambil kira tuntutan *Maqāsid al-Syarī'ah*. Dengan kata lain, implikasi hukum yang terbentuk daripada '*illah* yang berkenaan mestilah tidak melanggar prinsip yang ditetapkan sebagai objektif syarak sama ada dalam urusan duniawi mahupun ukhrawi.¹⁴ Oleh kerana itu, menurut al-Ghazālī, teori *al-munāsib* memiliki beberapa tingkatan yang berbeza. Tingkatan pertama adalah tingkatan *daruriyyāt*, kedua, *hājāt* dan tingkatan ketiga adalah *taḥsīniyyat*. Klasifikasi kategori *al-munāsib* ini tertakluk kepada rasionaliti mujtahid dalam menentukan *al-munāsib* pada tingkatan yang sesuai.¹⁵ Istilah *al-munāsib al-muṭṭarid* merujuk kepada konsistensi '*illah* dalam semua *furū'* tanpa wujud perbezaan '*illah* pada salah satu *furū'* tersebut.¹⁶

Instrumen kedua, '*urf*, iaitu sesuatu kebiasaan yang diakui oleh kebanyakan manusia, melalui pelbagai ucapan dan perkataan mereka, dan aktiviti mereka juga mengikut kebiasaan ini. Ia diletakkan selepas '*illah* kerana ia memerlukan pemahaman terlebih dahulu tentang '*illah* bagi menentukan sama ada sesuatu amalan budaya itu termasuk dalam kategori '*urf saḥīḥ* atau '*urf fāsīd*.¹⁷ '*Urf* sahīḥ adalah '*urf* yang tidak bercanggah dengan dalil syarak, tidak menghalalkan apa yang haram dan tidak membatalkan kewajipan yang telah ditentukan oleh syarak. Manakala '*urf fāsīd* pula adalah

¹³ Sulaymān ibn 'Abd al-Qawī al-Ṭūfī, *Sharḥ Mukhtaṣar al-Rawḍah*, ed. 'Abd Allāh ibn 'Abd al-Muḥsin al-Turkī (Mu'assasat al-Risālah, 1987), 3:224.

¹⁴ Muḥammad ibn Muḥammad al-Ghazālī, *Syifā' al-Ghalīl fī Bayān al-Shabah wa al-Mukhīl wa Masālik al-Ta'līl* (Baghdād: Maktabat al-Irshād, 1971), 159.

¹⁵ *Ibid.*, 163.

¹⁶ 'Alī ibn Sa'd al-Duwayḥī, *Fath al-Walī al-Nāsir: Sharḥ Rawḍat al-Nāzir* (al-Dammām: Dār Ibn al-Jawzī, 2009), 6:5.

¹⁷ Muhammad Yusri bin Yusof dan Mohd Anuar Ramli, "Kearifan Tempatan Dalam Adat Kematian Masyarakat Melayu Dari Perspektif Urf," *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa* 21, no. 1 (2020): 21-37, <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol21no1.303>.

'urf yang bercanggah dengan dalil syarak.¹⁸ 'Urf yang dijadikan sebagai asas pertimbangan hukum syarak hanyalah 'urf sahih. 'Urf juga termasuk dalam penerimaan elemen tempatan dalam hukum Islam.¹⁹ Ia bukan sahaja meliputi adat dan kebiasaan sosial yang diterima umum oleh masyarakat setempat, malah turut merangkumi hakikat ilmiah yang diterima secara meluas sebagai suatu yang benar dari segi keilmuan dan saintifik.²⁰

Instrumen ketiga, *maṣlahah*, iaitu menarik manfaat dan menolak kemudaratan.²¹ Ia adalah satu pertimbangan yang menjamin tercapainya sesuatu manfaat atau mencegah berlakunya sesuatu kemudaratan.²² Dalam analisis ini, ia berperanan dalam menilai manfaat dan mudarat yang dihasilkan oleh kesenian tersebut secara keseluruhan, melangkaui sekadar penentuan *'illah* dan *'urf*.

Maṣlahah juga merupakan salah satu instrumen usul fiqh yang dipengaruhi oleh nilai tempatan. Ia adalah perbezaan dalam menilai kepentingan ini menjadikan *maṣlahah* perlu dipertimbangkan mengikut realiti sesebuah zaman. Al-Būṭī menjelaskan bahawa perubahan yang berlaku pada *maṣlahah* dalam menetapkan hukum yang bersifat *ijtihādī* mendorong kepada perubahan ijtihad baharu yang menatijahkan hukum yang baharu yang selaras dengan tuntutan *Maqāṣid al-Syarī'ah*.²³ Oleh kerana itu, golongan mujtahid perlu memiliki kepekaan yang tinggi

¹⁸ Zulkifli et al., "Revitalizing 'Urf in State Legal Development: The Case of Minangkabauese Marriage Traditions," *Al-Istinbath: Jurnal Hukum Islam* 9, no. 2 (2024): 841-862, <https://doi.org/10.29240/jhi.v9i2.11034>.

¹⁹ Syamsul Azizul Marinsah, Mohd Anuar Ramli, Khairul Azhar Meerangani, dan Muhammad Sayuti Sabdan, "Pengambilkiraan 'Urf dan Adat dalam Fatwa Semasa: Analisis Terhadap Adat Kematian Bajau di Sabah," *Journal Of Fatwa Management And Research* 12, no. 1 (2018): 73-91, <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol12no1.19>.

²⁰ Mahmood Zuhdi Abdul Majid, *Transformasi Fikah Semasa*, 229.

²¹ Abu Hamid Muhammad Ibn Muhammad al-Ghazali, *al-Mustasfa Min 'Ilm al-Usul* (Beirut: Dar al-Fikr, t.t.), 1: 286.

²² Ridzwan Ahmad, "Metode pentarjihan masalah dan mafsadah dalam hukum Islam semasa," *Jurnal Syariah* 16, no. 1 (2008): 107-143.

²³ Sa'īd Ramadān al-Būṭī, *Dawābiṭ al-Maṣlahah fī al-Syarī'ah al-Islāmiyyah*, (Beirut: Mu'assasah al-Risalah, t.t.), 289.

terhadap *maṣlahah* agar alternatif fiqh dapat dirumuskan sesuai dengan situasi dan kondisi oleh masyarakat di sekitarnya.²⁴

Instrumen keempat dan kelima, *Faṭḥ al-dharā'i'* dan *Sadd al-Dharā'i'*, iaitu membuka pintu yang boleh membawa kebaikan dan menutup pintu yang boleh membawa keburukan.²⁵ Ia diletakkan pada penghujung kerangka kerana ia berfungsi sebagai mekanisme penentuan implikasi dan cadangan tindakan, iaitu sama ada wasilah kepada sesuatu kebaikan perlu dibuka atau wasilah kepada sesuatu keburukan perlu ditutup. Susunan ini menghasilkan kerangka yang bergerak daripada penentuan kepada natijah hukum.

Faṭḥ dan Sadd al-Dharā'i' juga termasuk salah satu mekanisme usul fiqh yang dipengaruhi nilai tempatan kerana langkah galakan atau pencegahan tidak boleh dilakukan melainkan setelah realiti sesebuah masyarakat berkenaan dapat dipastikan. Oleh kerana itu langkah penggalakan dan pencegahan dalam sesebuah masyarakat berbeza dengan suatu masyarakat yang lain kerana perbezaan realiti sosial yang ada.²⁶

Penelitian yang mendalam terhadap realiti sesebuah masyarakat adalah penting kerana ia menentukan implikasi hukum sama ada membawa kepada implikasi yang mencapai tuntutan *maṣlahah* atau mendorong kepada *mafsadah* yang boleh merosakkan kehidupan manusia. Al-Syāṭibī menegaskan bahawa seorang mujtahid perlu meneliti sesebuah implikasi daripada perbuatan mukallaf sebelum memutuskan untuk mengharus atau

²⁴ Toha Ma'rif, "Fiqh Indonesia Menurut Pemikiran Hasbi Ash-Shiddiqi, Hazairin dan Munawir Syadzali," *Jurnal Pengembangan Masyarakat Islam* 8, no. 2 (2015): 30, <https://doi.org/10.24042/ijpmi.v8i2.910>.

²⁵ Misranetti, "Sadd Al-Dzari'ah Sebagai Suatu Hukum Metode Istinbat Hukum Islam," *Jurnal An-Nahl* 7, no. 1 (2020): 51-75, <https://doi.org/10.54576/annahl.v7i1.5>.

²⁶ Mahmood Zuhdi, *Transformasi Fikah Semasa*, 229.

menegah perbuatan berkenaan supaya *maṣlahah* tertentu dapat dicapai atau *mafsadah* tertentu dapat dielakkan.²⁷

Jelaslah bahawa Usul al-fiqh berperanan dalam membantu usaha pembaharuan dalam mengisi kekosongan atau kelompangan yang sedia ada dalam menangani isu-isu baharu yang bersifat semasa dan tempatan termasuklah isu-isu kesenian. Aplikasi disiplin ilmu Usul al-fiqh dalam isu-isu baharu dalam kesenian menunjukkan ruang ijtihad masih terbuka luas tetapi ia masih berlegar dalam kerangka pendekatannya tersendiri. Melalui usul fiqh, hukum berhubung isu-isu kesenian dapat dirumuskan secara bernas dan tuntas.

Kerangka Penilaian

Kerangka penilaian yang dibangunkan dalam kajian ini dapat dirumuskan dalam tujuh peringkat analisis yang berurutan:

Peringkat 1: Penentuan hukum asal kesenian.

Peringkat 2: Analisis *'illah* iaitu penentuan punca pengharaman atau pengharusan.

Peringkat 3: Penilaian *'urf* iaitu klasifikasi *'urf ṣahīh* dan *'urf fāsid*.

Peringkat 4: Penilaian *maṣlahah* iaitu pertimbangan manfaat dan mudarat secara menyeluruh

Peringkat 5: Analisis *Fath al-Dharā'ī* ' iaitu penentuan elemen yang boleh dikekalkan kerana ada elemen kebaikan.

Peringkat 6: Analisis *Sadd al-Dharā'ī* ' iaitu penentuan elemen yang perlu disekat kerana ada elemen keburukan.

Peringkat 7: Rumusan hukum dan cadangan pemurnian jika ada.

Kerangka ini boleh diaplikasikan secara menyeluruh atau secara separa bergantung kepada sifat kesenian yang dikaji. Ia juga bersifat dinamik kerana dapatan setiap instrumen boleh berubah seiring dengan perubahan konteks sosial, perubahan amalan persembahan, atau pemurnian yang dilakukan oleh penggiat seni.

²⁷ Ibrahim bin Musa al-Syātibī, *Al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Syarī'ah*, ed. Masyhur bin Salman Ali Hasan (al-Qāhirah: Dar Ibn 'Affān, 1997), 5:177.

Kesenian Mak Yong Kelantan Sebagai Kajian Kes

Kelantan merupakan sebuah negeri yang kaya dengan khazanah seni budaya. Ia diwarisi dari generasi ke generasi ratusan tahun yang lampau.²⁸ Antaranya termasuklah kesenian Mak Yong. Mak Yong merupakan seni teater tari Melayu klasik yang menggabungkan ritual, tarian, lakonan, muzik vokal dan instrumental, serta dialog. Ia dipercayai berakar daripada kepercayaan animisme,²⁹ Hinduisme dan Buddhisme.³⁰ Kesenian ini dikatakan telah wujud sejak era Majapahit-Kelantan dan berkembang semasa era pemerintahan Cik Siti Wan Kembang (1610-1677).³¹ Persembahan Mak Yong terkenal di dua wilayah utama iaitu Patani di Selatan Thailand dan Kelantan di pantai timur Semenanjung Malaysia, dengan perkembangan kecil di Kepulauan Riau dan Sumatera Utara. Dua lagi kawasan yang turut dikaitkan dengan persembahan Mak Yong ialah Kedah di Pantai Barat, semenanjung Tanah Melayu dan Sumatera Utara, khususnya kawasan Serdang yang dipercayai pernah dikunjungi oleh kumpulan Mak Yong dari Malaysia, malah pernah bertapak di bawah naungan diraja untuk suatu tempoh tertentu.³²

Bentuk Persembahan: Hiburan dan Pemujaan

Persembahan Mak Yong diadakan bagi dua tujuan utama iaitu pertamanya, untuk tujuan hiburan. Mak Yong yang diadakan bagi tujuan hiburan biasanya diadakan dalam majlis-majlis keramaian.

²⁸ Nurulhuda Adabiah Mustafa, Nuraisyah Chua Abdullah dan Azni Mohd Dian, "Survival of Makyung in Kelantan: The Challenge under the Federal Centric Enviroment," *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 13, no. 2 (2020): 253-270, [https://doi.org/10.37052/jm.13\(2\)no4](https://doi.org/10.37052/jm.13(2)no4).

²⁹ A.S Hardy Shafii, "Sejarah Perjalanan Makyung," dalam *Makyung: Pelbagai Perspektif Tentang Teater Tradisional Malaysia*, ed. A.S Hardy Shafii, Jason Tye Kong-Chiang & Shanthi Balraj Baboo (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017), 2.

³⁰ Chong Lee Suan dan Mohammad Affiq Kamarul Azlan, *Surviving Kelantanese Makyung* (Kelantan: UMK Press, 2018), X.

³¹ Nik Anwar Nik Hassan, "Selayang Pandang Sejarah Kelantan," dalam *Warisan Kelantan XV*, ed. Nik Mohammed Nik Mohd Salleh (Kelantan: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, 1996), 91.

³² Ghulam-Sarwar Yousof, "Mak Yong: The Ancient Malay Dance-Theatre," *Asian Studies Journal Of Critical Perspectives on Asia*, (1982): 108 & 109.

Terdapat sebanyak 12 cerita Mak Yong yang masyhur. Antara cerita Mak Yong yang dipersembahkan untuk tujuan hiburan adalah cerita Sindong. Berbeza dengan cerita Dewa Muda dan Dewa Pechil biasanya dipersembahkan untuk tujuan rawatan.³³ Kedua, persembahan untuk tujuan pemujaan dan rawatan, yang dikenali sebagai Mak Yong–Main Teri apabila digabungkan dengan Main Puteri. Dalam konteks ini, upacara buka panggung melibatkan bacaan tertentu, sajian, dan permohonan restu daripada makhluk halus. Proses rawatan dilaksanakan melalui dialog berlagu antara Tok Teri dan Tok Minduk, bagi merawat pesakit yang disifatkan mengalami gangguan “angin”.³⁴

Persembahan Mak Yong yang diadakan bagi tujuan pemujaan biasanya berlaku di kawasan luar bandar. Pemujaan berlaku apabila kesenian tersebut digunakan sebagai salah satu rawatan alternatif untuk memulihkan pesakit-pesakit yang memiliki “angin” iaitu nafsu atau kehendak yang terpendam dalam diri pesakit itu sendiri yang mesti dipenuhi.³⁵ Bagi menyempurnakan proses rawatan alternatif tersebut, ia perlu digabungkan dengan kesenian Main Puteri.³⁶ Oleh kerana itu, Mak Yong yang diadakan bagi tujuan rawatan alternatif dikenali sebagai Mak Yong – Main Teri.³⁷

Kaedah penentuan bentuk rawatan yang diperlukan bagi seseorang pesakit adalah melalui dialog antara Tok Teri dan Tok Minduk. Dalam rawatan, tindak balas fizikal pesakit terhadap lagu-

³³ Patricia Ann Hardwick, “Mak Yong, a UNESCO “Masterpiece”,” 76.; Ghulam-Sarwar Yousof, “Mak Yong: The Ancient Malay Dance,” 112 & Hamidah bt. Yaacob, Hiburan Tradisional Kelantan, dalam ed. Khoo Kay Kim, *Warisan Kelantan I*, ed. Khoo Kay Kim (Kelantan: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, 1998), 56 & 57.

³⁴ Ghulam-Sarwar Yousof, “The Mak Yong Dance Theatre as Spiritual Heritage,” 2. Lihat juga Zahari bin Daud, “Main Peteri: Satu Cara Perubatan Tradisi,” dalam *Warisan Kelantan I*, ed. Khoo Kay Kim (Kelantan: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, 1998), 105.

³⁵ Chong Lee Suan & Mohammad Affiq, *Surviving Kelantanese Makyung*, 54.

³⁶ Ghulam-Sarwar Yousof, “The Mak Yong Dance Theatre as Spiritual Heritage,” 5.

³⁷ Patricia Ann Hardwick, “Mak Yong, a UNESCO “Masterpiece”,” 86.

lagu yang dipercayai oleh pengamal tradisional berkaitan dengan jenis-jenis penyakit tertentu turut diperhatikan. Selepas sesuatu penyakit berjaya dikenalpasti oleh Tok Teri, satu rawatan berbentuk persembahan tradisional Kelantan akan dirancang oleh keseluruhan kumpulan Mak Yong – Main Teri untuk dipersembahkan seperti tarian joget, seni silat dan lain-lain.³⁸ Proses rawatan ini biasanya diadakan di tempat terbuka yang boleh ditonton oleh orang kampung.³⁹

Struktur persembahan Mak Yong – Main Teri ini akan dimulakan dengan suatu upacara pembukaan yang dilakukan bertujuan untuk memohon restu daripada makhluk halus. Ia akan dipanggil bagi merasuk pesakit. Mahkluk halus kemudiannya bergerak mengikut rentak muzik dan memindahkan tenaga ke badan pesakit.⁴⁰ Seiring peredaran masa, ritual-ritual ini turut memperlihatkan pengaruh Islam kerana kebanyakan para pengamalnya beragama Islam. Namun begitu, amalan ritual ini masih mengandungi unsur syirik kerana melibatkan penyediaan peralatan sajian iaitu pulut kuning, bertih, sirih pinang, wang pengeras dalam jumlah ganjil (contohnya 25 sen), tembakau, kemenyan, telur dadar dan lain-lain semasa pembukaan persembahan.⁴¹

³⁸ Patricia Ann Hardwick, “A King, A Palace, A Country: Exploring The Conceptualization Of The Body In Mak Yong Healing Performances In Kelantan, Malaysia” dalam *Proceedings 2nd Symposium Philippines: ICTM Study Group On Performing Arts Of Southeast Asia*, 209. Lihat juga, Chong Lee Suan dan Mohammad Affiq, *Surviving Kelantanese Makyung*, 40 & 42.

³⁹ Azlina Musa dan Yusmilayati Yunos, “Simptom-Simptom Penyakit Dalam Main Teri: Satu Kajian Kes Di Kampung Pasir Mas, Kelantan,” *Jurnal Melayu* 8 (2011): 233 – 249.

⁴⁰ Mohd Kipli Abdul Rahman, “Aspek Ruang Dalam Persembahan Makyung,” dalam *MakYung: Pelbagai Perspektif Tentang Teater Tradisional Malaysia*, ed. A.S Hardy Shafii, Jason Tye Kong-Chiang & Shanthi Balraj Baboo (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017), 56. Lihat juga, Ghulam-Sarwar Yousof, “Mak Yong: The Ancient Malay Dance,” 109.

⁴¹ Nurulhuda Adabiah Mustafa dan Nuraisyah Chua Abdullah, “The Non-Shariah and Syariah Makyung in Kelantan: A Legal Critique,” *International Journal Of Academic Research In Business And Social*

Sebahagian penggiat seni lebih menghayati kesenian Mak Yong sebagai satu bentuk perlambangan yang dapat menyumbang kepada terapi psikologi manusia. Oleh kerana itu, terdapat sebahagian pengkaji yang berpendapat bahawa Mak Yong – Main Teri dapat merawat penyakit sosial dan psikologi yang tidak dapat dirawat melalui kaedah perubatan di Barat.⁴²

Muzik yang dialunkan sewaktu rawatan berlangsung membolehkan Tok Teri yang berperanan sebagai pawang atau Tok Bomoh dalam rawatan alternatif Mak Yong – Main Teri mencapai keadaan kesedaran tinggi yang paling ketara melalui putaran kepalanya. Keadaan tersebut dikenali dengan istilah “lupa” dalam kalangan penggiat seni. Tok Teri dapat mengenal pasti punca penyakit dan memberi suara kepada mereka melalui lakonannya serta menzahirkannya dengan bakat dramatikanya sendiri. Seorang lagi individu penting dalam rawatan alternatif tersebut yang dikenali sebagai Tok Minduk yang turut berperanan sebagai juru rebab (pemain rebab) akan berinteraksi dengan Tok Teri yang berada dalam keadaan “lupa” melalui dialog berlagu dan pertuturan untuk mengenal pasti watak-watak yang dilakonkan oleh Tok Teri. Bagi pemerhati yang tidak terlatih dalam bahasa Kelantan, ia mungkin kelihatan seolah-olah Tok Teri dirasuki oleh hantu dan makhluk ghaib yang menguasai tubuhnya serta menggunakan suaranya untuk berunding dengan minduk tentang persembahan dan ritual yang perlu dilakukan. Namun kebanyakan penggiat Mak Yong-Main Teri masa kini memahami bahawa Tok Teri sebenarnya tidak dirasuki entiti ghaib tetapi sebaliknya, persembahan tersebut merupakan perbualan dramatik yang disimbolkan antara bahagian-bahagian tubuh pesakit. Dalam proses diagnosis ini, Tok Teri melakukan perjalanan simbolik melalui tubuh pesakit untuk mencari punca penyakit.⁴³

Sciences 2, no. 11 (2022): 2956, <https://dx.doi.org/10.6007/IJARBSS/v12-i11/15767>. Lihat juga Lim Swee Tin dan Mohd Sulhie Yusuf, *Menyingkap Rahsia, Merungkai Mitos Peteri: Kesenian Terapi Tradisional* (Kelantan: Universiti Malaysia Kelantan, 2019), 39-41.

⁴² Patricia Ann Hardwick, “A King, A Palace,” 208.

⁴³ *Ibid.*, 208.

Para penggiat seni Mak Yong yang mahir dalam tradisi pemerhatian psikologi memahami bagaimana untuk merangsang deria pesakit yang lesu supaya “angin” dalam diri pesakit dapat diaktifkan dan mengalir dalam dada mereka. Dalam konteks penyembuhan, persembahan mereka bertujuan melepaskan keinginan terpendam pesakit dengan membimbing pesakit untuk melakonkan watak utama dalam cerita Mak Yong.⁴⁴

Melalui persembahan, pesakit yang menghayati watak dalam kisah tradisional dapat menghubungkan penyakit mental atau fizikal mereka secara dramatik dengan cabaran dan penderitaan watak tersebut. Dengan memakai pakaian harian, para penggiat seni Mak Yong akan memakaikan pesakit dengan kostum Mak Yong dan membawa mereka ke ruang persembahan. Seterusnya penggiat seni Mak Yong akan membimbing mereka untuk melakonkan watak separa dewa atau raja. Pesakit akan meniru gerakan tarian penggiat seni Mak Yong. Apabila tersentuh oleh keindahan lagu, mereka mungkin menangis. Melalui penghayatan naratif ini, mereka dibimbing ke arah pemulihan kesihatan.⁴⁵ Struktur upacara mesti dilakukan mengikut peraturan dan pantang larangnya kerana bagi menurut pengamal, tradisi kesenian ini perlu dipertahankan bagi menjaga keasliannya.

Walau bagaimanapun, rawatan melalui ini tidak dapat dibuktikan berkesan kepada pesakit. Buktinya, penyakit yang dihadapi oleh pesakit akan datang kembali dalam tempoh tertentu setelah rawatan. Menurut Zahari, jumlah pesakit yang sembuh melalui rawatan Main Teri sedikit sekali. Itu pun hanyalah secara kebetulan sahaja.⁴⁶

Kronologi Pengharaman dan Pengharusan Semula

Kesenian Mak Yong melalui proses perkembangan yang dinamik. Ia telah diharamkan di Kelantan pada tahun 1992 melalui keputusan Jamaah Ulama MAIK, berikutan kewujudan unsur syirik dalam upacara buka panggung, pakaian yang mendedahkan aurat, penari waita, dan percampuran bebas antara lelaki dan wanita bukan

⁴⁴ Patricia Ann Hardwick, “A King, A Palace,” 212.

⁴⁵ Patricia Ann Hardwick, “A King, A Palace.”

⁴⁶ Zahari bin Daud, “Main Peteri,” 111 & 115.

mahram. Dalam perkembangan lanjut, pada tahun 2005, UNESCO memberikan pengiktirafan antarabangsa kepada Mak Yong sebagai Karya Agung Warisan Lisan dan Tidak Ketara Kemanusiaan. Selepas proses dialog dengan penggiat seni dan pemurnian beberapa aspek yang bercanggah syariat, pada 24 Mei 2019, Mufti Kelantan mengeluarkan fatwa membenarkan semula persembahan Mak Yong patuh syariah. Ia menandakan berakhirnya tempoh pengharaman selama 28 tahun. Terdapat beberapa perubahan yang dibuat dalam persembahan kesenian Mak Yong yang diadakan bagi tujuan hiburan iaitu:⁴⁷

- (i) Kepala, rambut, dan leher penggiat seni ditutup dengan sempurna.
- (ii) *Leotard* berwarna hitam berlengan panjang dipakai untuk menutupi bahagian lengan bawah. Hal ini kerana pakaian bahagian atas kostum Pak Yong dipotong sehingga paras siku.
- (iii) Mak Yong dan dayang pula mengenakan kebaya longgar serta baju kurung.
- (iv) Di kepala, mereka memakai anak tudung berwarna hitam, diikat bagi meniru sanggul tradisional berbentuk siput yang sering dipakai oleh wanita bangsawan.
- (v) Anak tudung berwarna hitam itu panjang sehingga mampu untuk menutupi leher para penggiat seni dan diselitkan ke dalam garis leher *la* iaitu kolar manik tradisional yang menutupi dada dan berjuntai.
- (vi) Mahkota kecil dan pin rambut dipasang pada anak tudung hitam tersebut. Penggiat seni wanita yang memegang watak inang memakai penutup kepala yang ketat menutupi rambut dan leher mereka, dengan tambahan kain sarung yang dililit longgar di atas kepala.

⁴⁷ Patricia Ann Hardwick, "Mak Yong, a UNESCO "Masterpiece" Negotiating the Intangibles of Cultural Heritage and Politicized Islam," *Asian Ethnology* 79, no. 1 (2020): 76, <https://doi.org/10.15119/00003124>.

APLIKASI KERANGKA USUL AL-FIQH TERHADAP KESENIAN MAK YONG KELANTAN

Bahagian ini merupakan bahagian analisis utama kajian, di mana kerangka penilaian lima instrumen usul fiqh yang dibangunkan akan diaplikasikan secara sistematik terhadap kesenian Mak Yong di Kelantan.

Mak Yong Berdasarkan Konsep 'Illah

Sesuatu hukum itu tertakluk kepada perubahan *'illah*. Ini bermakna, pewujudan hukum itu adalah seiring dengan pewujudan *'illah*.⁴⁸ Dalam konteks kesenian Mak Yong Kelantan, terdapat beberapa *'illah* yang menjadi punca tegahan seperti mengandungi upacara pemujaan dan percampuran antara lelaki dengan wanita bukan mahram yang boleh mendorong kepada tindakan-tindakan yang melanggar nilai-nilai akhlak.⁴⁹ Isu-isu yang diharamkan ini merupakan isu-isu yang bersifat definitif atau *qat'ī*. Ini bermakna, ia bukanlah isu khilaf yang boleh dipertikaikan. Walau bagaimanapun, pengharaman ini adalah bersifat haram *li ghairih*, bukan haram *li zātih*. Haram *li ghairih* bermaksud keharaman tersebut bukan berpunca daripada asal kesenian itu sendiri, namun ia berlaku disebabkan wujudnya unsur-unsur luar yang melingkari kesenian tersebut. Jika *'illah*-*'illah* tegahan tersebut dihapuskan, maka hukumnya akan kembali kepada hukum asal keharusannya. Oleh kerana itu, berdasarkan penelitian terhadap *ṣīghah* fatwa Jamaah Ulama MAIK pada tahun 1992 berhubung kesenian Mak Yong, didapati *ṣīghah* berkenaan menjelaskan seperti berikut: "*Mak Yong yang dimainkan pada masa kini adalah haram...*"⁵⁰

Apa yang dapat difahami daripada *ṣīghah* fatwa tersebut, kesenian Mak Yong diharamkan pada masa tersebut disebabkan

⁴⁸ Al-Ghazālī, *al-Mustasfā min 'Ilm al-Uṣūl*, 381.

⁴⁹ Noor Zatul Iffah Hussin, Nor Alia Fahada Ab Rahman, Siti Falindah Padlee dan Anne Buchman, "An exploratory study on the challenges in preserving Mak Yong in the East Coast of Malaysia," 4th UUM International Qualitative Research Conference (QRC 2020), 169.; Kanit Sripaoraya, "The Kelantan Mak Yong," 17.; Patricia Ann Hardwick, "The Body Becoming: Transformative Performance in Malaysian Mak Yong," *Music & Medicine* 6, no. 1 (2014): 41, <https://doi.org/10.47513/mmd.v6i1.151>.

⁵⁰ Fail Mesyuarat Jamaah Ulama MAIK, D231/2-1/Kulit 4, 1995.

wujudnya *'illah-‘illah* tertentu. Hal ini sebagaimana yang ditegaskan oleh Hasbullah Hassan, mantan Mufti Negeri Kelantan bahawa Kelantan tidak pernah mengharamkan Mak Yong secara mutlak. Namun pengharamannya tertakluk kepada kewujudan *'illah* pemujaan dan syirik. Oleh kerana itu, kesenian Mak Yong versi baharu yang telah dimurnikan daripada *'illah-‘illah* tegahan adalah dibenarkan kerana pengharaman yang dibuat pada peringkat awal adalah dipengaruhi oleh *'illah-‘illah* tegahan.⁵¹ Ini bermakna, jika pada masa hadapan, persembahan Mak Yong sudah tidak mengandungi *'illah-‘illah* tegahan yang dinyatakan, maka hukum pengharaman Mak Yong yang difatwakan pada tahun 1992 adalah tidak dirujuk lagi.

Mak Yong Berdasarkan Konsep ‘Urf

Sesuatu amalan dan tabiat manusia sama ada dalam bentuk ucapan mahupun tindakan yang diterima secara meluas dan diamalkan secara konsisten oleh sesebuah masyarakat adalah dianggap sebagai *'urf*.⁵² Dalam konteks kesenian Mak Yong di negeri Kelantan, kesenian tersebut boleh dikategorikan sebagai *'urf* kerana ia memiliki dua ciri penting *'urf* iaitu diterima secara meluas dalam kalangan masyarakat Kelantan dan ianya diamalkan secara berterusan. Namun begitu, timbul persoalan selanjutnya berhubung status *'urf* kesenian berkenaan sama ada *'urf ṣaḥīḥ* ataupun *'urf fāsid*. Secara umumnya, kesenian Mak Yong adalah *'urf* yang *ṣaḥīḥ* kerana ia merupakan salah satu bentuk kesenian yang menurut hukum asalnya adalah harus. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa elemen yang bercanggah dengan hukum syarak yang perlu dibuang seperti elemen pemujaan, pergaulan sesama bukan mahram tanpa batasan dan lain-lain. Elemen-elemen ini boleh dikategorikan sebagai *'urf fāsid* yang perlu disisihkan daripada apa jua bentuk budaya kesenian. Elemen *fāsid* itu perlu dimurnikan sekiranya ada ruang pemurnian. Jika tidak, suatu kesenian itu perlu ditinggalkan.

⁵¹ Muhammed Yusof, “Islamisasi Seni Muzik: Alternatif Masa Kini,” dalam *Majalah Pengasuh*, Bilangan 592 Tahun 2005 (Kelantan, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2005), 43.

⁵² ‘Abd al-Wahhāb Khallāf, *‘Ilm Uṣūl al-Fiqh* (al-Qāhirah: Maktabah al-Da‘wah, t.t.), 89. Sulfan Wandi, “Eksistensi ‘Urf Dan Adat Kebiasaan Sebagai Dalil Fiqh”. *Samarah: Jurnal Hukum Keluarga Dan Hukum Islam* 2, no. 1, (2018): 181-196. <https://doi.org/10.22373/sjhc.v2i1.3111>.

Mak Yong Berdasarkan Konsep *Maṣlahah*

Maṣlahah bermaksud menjaga objektif-objektif yang digariskan dalam syariat Islam dengan menolak *mafsadah* atau keburukan dari makhluk.⁵³ *Maṣlahah* digunakan apabila tiada dalil khusus yang mengiktiraf atau menolak sesuatu perkara di samping tiada asas untuk dilaksanakan *qiyās*.⁵⁴ Dalam konteks kesenian Mak Yong, satu persoalan penting yang perlu dirungkai adakah ianya boleh diiktiraf sebagai *maṣlahah darūriyyah* memandangkan ia berfungsi sebagai salah satu rawatan alternatif yang boleh mengubati pesakit-pesakit yang mengalami “angin” yang perlu dipenuhi sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini. Kajian menunjukkan bahawa kesenian ini sebenarnya tidak berkesan dalam mengubati penyakit tersebut. Buktinya, penyakit tersebut akan datang semula dalam tempoh yang tertentu.⁵⁵ Tambahan pula, terdapat alternatif lain yang boleh dijadikan sebagai rawatan tersebut iaitu melalui kaedah ruqyah yang diiktiraf oleh syariat Islam.⁵⁶ Oleh yang demikian, rawatan yang ditawarkan melalui Mak Yong tidak boleh diterima sebagai *maṣlahah darūriyyah*.⁵⁷

Selain itu, terdapat satu kaedah *maṣlahah* yang disebutkan oleh para ulama bahawa apabila bertembung antara *maṣlahah kulliyah* dalam aspek agama dan *maṣlahah kulliyah* dalam aspek nyawa, maka perlu didahulukan *maṣlahah kulliyah* dalam aspek nyawa selagi ia tidak melanggar sempadan tauhid. Dalam rawatan kesenian Mak Yong, sedia maklum bahawa asas rawatan yang

⁵³ Al-Syawkānī, *Irsyād al-Fuḥūl ilā Tahqīq al-Ḥaqq*, 2: 990.

⁵⁴ Qutb al-Raysuni, *Ṣinā'ah al-Fatwa fi Qadāyā al-Mu'āsirah* (Beirut: Dar Ibn Hazm, 2014), 110.

⁵⁵ Zahari bin Daud, “Main Peteri,” 111 & 115.

⁵⁶ Ruqyah bermaksud bacaan tertentu yang dilakukan bagi mendapatkan perlindungan dari Allah SWT atau mendapatkan kesembuhan dari sesuatu penyakit. Lihat Juriah Mohd Amin dan Huzaimah Ismail, “Pendekatan Terapi Ruqyah Dalam Ilmu Perubatan Melayu Tradisional: Kajian Terhadap Kitab Mujarrobat al-Fawa'id,” ICOMHAC 2015 eproceedings, 16-17 Disember 2015, Century Helang Hotel, Pulau Langkawi, 248.

⁵⁷ Nur Amalina Mat Rafi dan Raja Iskandar Raja Halid, “Warisan Perubatan Tradisional Dalam Seni Silat Di Kelantan, Malaysia,” *International Journal of Creative Future and Heritage* 9, no. 2 (2021): 55, <https://doi.org/10.47252/teniat.v9i2.740>.

digunakan adalah melalui pemujaan selain Allah SWT. Oleh yang demikian, difahami disini bahawa *maṣlahah kulliyah* dalam aspek agama berbanding *maṣlahah kulliyah* dalam aspek nyawa perlu didahulukan kerana kaedah rawatan yang ditawarkan bercanggah dengan akidah.⁵⁸ Jika pemujaan selain Allah SWT sudah dihapuskan dalam kesenian berkenaan sekali pun, pelaksanaannya tetap tidak dibenarkan kerana untuk mengelakkan timbulnya fitnah melalui ucapan-ucapan jampi yang boleh mengelirukan masyarakat Islam.⁵⁹

Mak Yong Berdasarkan Konsep *Faṭḥ al-Dharā'ī* dan *Sadd al-Dharā'ī*

Sadd al-Dharā'ī bermaksud menutup wasilah yang pada zahirnya nampak harus tetapi ia membawa kepada perkara yang ditegah dalam syariat Islam.⁶⁰ Menurut al-Qarāfī, wasilah tidak perlu ditutup dalam setiap situasi. Terdapat situasi wasilah perlu dibuka. Inilah yang dikenali sebagai *Faṭḥ al-Dharā'ī*.⁶¹ Berdasarkan konsep *Faṭḥ al-Dharā'ī* dan *Sadd al-Dharā'ī*, wasilah yang mendorong tindakan terhadap sesuatu perkara adalah bergantung kepada hukum matlamatnya. Jika hukum matlamat yang hendak dicapai itu adalah haram, maka begitu juga wasilahnya. Demikianlah sekiranya hukum matlamat tersebut wajib, sunat, harus atau makruh, wasilahnya perlu ditutup atau dibuka bergantung kepada hukum matlamat. Hal ini kerana syariat Islam memelihara *maṣlahah* dan melindungi manusia daripada sebarang *mafsadah*. Apa jua wasilah yang membawa kepada *maṣlahah* perlu diraikan dan apa jua wasilah yang membawa kepada *mafsadah* perlu ditegah dan ditutup.⁶²

⁵⁸ Abdullah bin Bayyah, *Masyāhid Min al-Maqāsīd* (Dubai: al-Muwatta' Centre, 2018), 162 & 163. Lihat juga Al-Mauqī' al-Rasmi li al-'Allamah al-Sheikh "Naṣ al-Bayān al-Khitāmī, Mukhtar Fiqh al-Ṭawāri," Abdullah bin Bayyah, diakses pada 18 April 2026, <http://binbayyah.net/arabic/archives/4710>.

⁵⁹ Minit Mesyuarat Jamaah Ulama Majlis Ugama Islam Kelantan Kali Kelima, 10 Oktober 1968.

⁶⁰ Al-Syawkānī, *Irsyād al-Fuḥūl ilā Taḥqīq al-Ḥaqq*, 2: 1007.

⁶¹ Aḥmad ibn Idrīs al-Qarāfī, *Anwār al-Burūq fī Anwā' al-Furūq* (Beirut: Dār 'Ālam al-Kutub, t.t.), 2: 33.

⁶² Aḥmad ibn Idrīs al-Qarāfī, *Syarḥ Tanqīḥ al-Fuṣūl*, ed. Ṭāhā 'Abd al-Ra'ūf Sa'd (al-Qāhirah: al-Syarikah al-Ṭibā'iyah al-Fanniyah al-Muttaḥidah, 1973), 449. Lihat juga Muḥammad Zakariyyā al-Karābisī, *Uṣūl al-Fiqh* (al-Qāhirah: Dār al-Thaqāfah li al-Nasyr wa al-Tawzī', t.t.), 354 dan Sa'īd ibn Aḥmad Ṣāliḥ Farj dan Bā Bakar al-Khiḍr al-Ṭābidī, "I'māl Qā'idat Sadd al-Dharā'ī' fī Muwājahat al-Taṭarruf al-

Kesenian Mak Yong di negeri Kelantan jika dilihat menerusi perspektif *Sadd al-Dharā'i'*, sememangnya terdapat beberapa elemen-elemen mungkar yang membawa kepada *mafsadah* yang perlu ditegah seperti menggalakkan unsur-unsur pemujaan, pengabaian terhadap batasan pergaulan bebas antara bukan mahram yang ditetapkan oleh syarak serta bertentangan dengan nilai akhlak yang diajarkan dalam Islam.⁶³

Namun dari aspek *Fath al-Dharā'i'*, hukum asal kesenian berkenaan dan apa juga kesenian lain adalah harus. Oleh yang demikian, pelaksanaan *Sadd al-Dharā'i'* ini hanya melibatkan elemen-elemen yang ditegah oleh syarak sahaja. Elemen lain yang tidak bercanggah dengan hukum syarak tidak perlu ditegah kerana ia masih kekal dalam hukum asal keharusannya. Dalam hal ini, fuqaha menegaskan bahawa penegahan yang dimaksudkan dalam konsep *Sadd al-Dharā'i'* adalah tertakluk kepada zat *mafsadah* sahaja bukan melibatkan perkara yang mengandungi *mafsadah* tersebut.⁶⁴

Walau bagaimanapun, sekiranya penggiat seni berkeras untuk mengekalkan elemen-elemen yang bercanggah dengan syarak, pihak berwajib perlu berdialog untuk memberi kefahaman kepada mereka. Kesenian berkenaan perlu dimurnikan sekiranya implikasi *mafsadah* yang berlaku lebih kuat berbanding daripada *maṣlahah* yang dicapai. Hal ini berpandukan kepada kaedah dalam menangani kontradiksi antara *maṣlahah* iaitu dalam situasi percanggahan antara *maṣlahah* dengan *mafsadah*, maka *mafsadah* yang lebih besar perlu ditegah meskipun terpaksa melepaskan *maṣlahah* yang lebih kecil.⁶⁵ Dalam konteks kesenian Mak Yong ini,

Fikrī", *Majallah Kulliyah al-Dirasat al-Islamiyyah wa al-'Arabiyyah li al-Banat*, 5, no. 33, (2017): 22, <https://doi.org/10.21608/BFDA.2017.20360>

⁶³ Chong Lee Suan dan Mohammad Affiq, *Surviving Kelantanese Makyung*, 12.

⁶⁴ Muḥammad al-Tāhir ibn Muḥammad Ibn 'Āsyūr, *Maqāṣid al-Syarī'ah al-Islāmiyyah* (Qatar: Wizārat al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, 2004), 3:335.

⁶⁵ Hāmid ibn 'Abd Allāh 'Alī, *Tahrīr Qā'idat Ta'arūḍ al-Maṣāliḥ wa al-Mafāsīd wa Tahrīj Ba'd Furū'ihā* (Kuwait: Maktabah al-Imām al-Dhabābī, 1994), 13 & 14.

implikasi *mafsadah* adalah lebih besar daripada *maṣlahah*nya kerana *mafsadah*nya melibatkan kerosakan nilai akhlak dan sosial dalam kalangan masyarakat awam. Manakala *maṣlahah* pekerjaannya hanya *maṣlahah fardiyyah* atau *maṣlahah* individu sahaja iaitu kehilangan pekerjaan bagi penggiat seni yang menjadikan kesenian Mak Yong sebagai sumber pendapatan.

Namun tindakan tegahan sahaja tanpa mengemukakan alternatif lain bukanlah satu kaedah yang boleh dianggap bernas. Hal ini bercanggah dengan konsep *maṣlahah* yang dibawa oleh syariat Islam kerana syariat tidak sesekali akan melakukan tindakan yang memerangkap mukallaf dalam risiko *mafsadah* yang lain. Oleh yang demikian, setelah pencegahan dilaksanakan, pihak berwajib perlu menyediakan peluang pekerjaan yang lain kepada para penggiat seni yang terkesan dengan tegahan tersebut khususnya bagi penggiat yang menjadikan kesenian Mak Yong sebagai sumber utama pendapatan. Hal ini supaya tindakan pihak berautoriti tidak bercanggah dengan kaedah yang ditetapkan oleh para ulama iaitu *taṣarruf al-Imām Manūṭ bi al-Maṣlahah* yang bermaksud, “Setiap tindakan yang dilaksanakan oleh pihak pemerintah adalah berpaksikan kepada *maṣlahah*”.⁶⁶ Bahkan salah satu *maqāṣid al-syarī’ah* yang dituntut dalam pekerjaan adalah menjaga hak-hak pekerja terutamanya ketika seseorang itu mengalami masalah pengangguran.⁶⁷

Sehubungan dengan itu, penggunaan kaedah *Faṭḥ al-Dharā’i’* dan *Sadd al-Dharā’i’* terhadap kesenian Mak Yong perlu dilaksanakan dengan pendekatan yang sederhana mengikut ketetapan kaedah yang telah dijelaskan oleh fuqaha.⁶⁸ Ringkasnya, dari aspek *Faṭḥ al-Dharā’i’*, jika kesenian Mak Yong dibuka secara

⁶⁶ ‘Abd al-Raḥmān ibn Abī Bakr al-Suyūṭī, *al-Ashbāh wa al-Nazā’ir* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1990), 121.

⁶⁷ Ahmad Jabullah, “Maqāṣid al-Syarī’ah fī Qawānīn al-‘Amal wa Ḥuqūq al-Insān,” dalam *Tafīl Maqāṣid al-Syarī’ah fī al-Majāl al-Siyāsī*, ed. Muhammad Salim al-Awwa (London: Mu’assasah al-Furqān li al-Turāth al-Islāmī, 2014), 379.

⁶⁸ Fajar Rachmadhani, Mualimin Mochammad Sahid, dan Muchammad Ichsan, “The use of Sadd Al-Dhari’ah on contemporary Islamic family law in Indonesia: Concept and practice,” *Malaysian Journal of Syariah and Law* 12, no. 1 (2024): 206-215, <https://doi.org/10.33102/mjssl.vol12no1.505>.

meluas tanpa diikat dengan piawaian syarak, maka ruang *mafsadah* seperti pemujaan, *ikhhtilāt* dan lain-lain tidak dapat dihalang. Begitu juga pelaksanaan *Sadd al-Dharā'i'* secara melampau dan tidak secara berhikmah juga mungkin akan menjejaskan tuntutan *maqāsid al-syarī'ah* dalam aspek yang lain.

PERBINCANGAN

Kerangka penilaian lima instrumen usul fiqh yang dibangunkan dalam kajian ini menawarkan beberapa kelebihan berbanding pendekatan penilaian hukum kesenian yang sedia ada. Pertama, ia bersifat bersistematik dan berurutan, memastikan setiap dimensi hukum dinilai secara lengkap tanpa ketinggalan. Kedua, ia bersifat dinamik dan responsif terhadap perubahan konteks, kerana dapatan setiap instrumen boleh dikemas kini apabila amalan persembahan berubah. Ketiga, ia bersifat sistematik dan boleh diulangpakai untuk kesenian tradisional yang lain.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian membuktikan bahawa penilaian hukum terhadap kesenian Mak Yong tidak boleh dilakukan secara mutlak sama ada mengharamkan atau mengharuskan keseluruhannya, sebaliknya hendaklah berasaskan kerangka usul fiqh yang menilai setiap elemen secara objektif dan kontekstual. Aplikasi lima instrumen usul fiqh, iaitu *'illah*, *'urf*, *maṣlahah*, *Faḥ al-Dharā'i'* dan *Sadd al-Dharā'i'*, menunjukkan bahawa pengharaman Mak Yong pada asalnya berpunca daripada unsur luaran seperti pemujaan, syirik dan *ikhhtilāt* yang tergolong dalam haram *li ghairih*, bukannya kerana zat kesenian itu sendiri. Oleh itu, apabila unsur-unsur tersebut disisihkan melalui proses pemurnian, hukum asal kesenian kembali kepada keharusan selaras dengan prinsip bahawa hukum berlegar bersama kewujudan dan ketiadaan *'illah*. Pada masa yang sama, kajian turut membuktikan bahawa Mak Yong sebagai warisan budaya boleh diterima sebagai *'urf ṣaḥīḥ* pada aspek seni, dramatari dan identiti budaya, manakala unsur ritual yang bercanggah dengan syariat wajib dikategorikan sebagai *'urf fāsid* dan dihapuskan. Dapatan juga memperlihatkan bahawa dakwaan manfaat rawatan melalui Mak Yong–Main Teri tidak memenuhi syarat *maṣlahah syar'iyah* kerana tidak terbukti keberkesannya serta masih bercanggah dengan prinsip pemeliharaan akidah. Selanjutnya, penerapan konsep *Faḥ al-Dharā'i'* dan *Sadd al-Dharā'i'* menghasilkan pendekatan yang

seimbang, iaitu membuka ruang kepada pemeliharaan seni budaya yang patuh syariah sambil menutup segala jalan yang membawa kepada kerosakan akidah dan akhlak.

Justeru, kajian ini bukan sahaja menjelaskan rasional hukum Mak Yong secara lebih sistematik, bahkan mengemukakan satu penilaian budaya Islam yang bersifat dinamik, sederhana dan berasaskan disiplin usul al-fiqh, sekali gus berpotensi diaplikasikan terhadap penilaian pelbagai warisan budaya tradisional lain di Malaysia.

PENUTUP

Jelasnya, dalam interaksi antara hukum Islam dengan budaya kesenian setempat, syariat Islam bersifat dinamik dalam menerima dan menapis pelbagai elemen yang bercanggah dengan hukum Islam. Ia ditolak sepenuhnya sekiranya tiada ruang pemurnian. Dalam interaksi ini, penilaian kesenian tradisional berasaskan usul fiqh yang mengintegrasikan lima instrumen asas seperti *'illah*, *'urf*, *maṣlahah*, *Fatḥ al-Dharā'i'* dan *Sadd al-Dharā'i'* dalam satu analisis yang bersistematik, berurutan dan boleh digunapakai. Secara kesimpulan, hukum asal bagi kesenian tradisional Mak Yong adalah harus dipersembahkan sebagai satu bentuk hiburan budaya. Walau bagaimanapun, ia menjadi haram apabila dikaitkan dengan unsur ritual pemujaan, pergaulan bebas antara lelaki dan wanita bukan mahram, serta amalan yang bercanggah dengan nilai akhlak. Dari perspektif *'urf* dan *maṣlahah*, elemen-elemen yang bermasalah ini diklasifikasikan sebagai *'urf fāsid* yang wajib dihapuskan. Manakala manfaat terapeutik yang didakwa tidak terbukti mencapai tahap *maṣlahah* yang diiktiraf dalam syariat Islam. Kajian ini juga mendapati bahawa pelaksanaan *Sadd al-Dharā'i'* perlu dilakukan secara berperingkat dengan disertai alternatif yang sesuai dan patuh syariah. Tegasnya, Islam tidak mengharamkan semua kesenian tradisional, malahan Mak Yong boleh dipersembahkan sebagai seni budaya masyarakat dengan syarat ia dimurnikan sepenuhnya daripada unsur-unsur yang bercanggah dengan syariat Islam.

RUJUKAN

- Abdul Majid, Mahmood Zuhdi. *Transformasi Fikah Semasa*. Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd., 2010.
- Abdul Rahman, Mohd Kipli. “Aspek Ruang Dalam Persembahan Makyung.” Dalam *MakYung: Pelbagai Perspektif Tentang Teater Tradisional Malaysia*, ed. A.S Hardy Shafii, Jason Tye Kong-Chiang dan Shanthi Balraj Baboo. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017.
- Ahmad, Ridzwan. “Metode pentarjihan masalah dan mafsadah dalam hukum Islam semasa.” *Jurnal Syariah* 16, no. 1 (2008): 107-143.
- al-Būṭī, Sa‘īd Ramaḍān. *Ḍawābiṭ al-Maṣlahah fī al-Syarī‘ah al-Islāmiyyah*. Beirut: Mu‘assasah al-Risalah, t.t.
- al-Duwayhī, ‘Alī ibn Sa‘d. *Faṭḥ al-Walī al-Nāṣir: Syarḥ Rawḍat al-Nāṣir*. al-Dammām: Dār Ibn al-Jawzī, 2009.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad Ibn Muhammad. *al-Mustasfa Min ‘Ilm al-Usul*. Beirut: Dar al-Fikr, t.t.
- al-Ghazālī, Muḥammad ibn Muḥammad. *al-Mustasfā min ‘Ilm al-Uṣūl*. ed. Muḥammad ‘Abd al-Salām ‘Abd al-Syāfi‘ī. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1993.
- al-Ghazālī, Muḥammad ibn Muḥammad. *Shifā’ al-Ghalīl fī Bayān al-Shabah wa al-Mukhīl wa Masālik al-Ta‘līl*. Baghdād: Maktabah al-Irshād, 1971.
- ‘Alī, Ḥāmid ibn ‘Abd Allāh. *Tahrīr Qā‘idat Ta‘arūḍ al-Maṣāliḥ wa al-Mafāsīd wa Takhrīj Ba‘ḍ Furū‘ihā*. Kuwait: Maktabah al-Imām al-Dhahabī, 1994.
- al-Karābisī, Muḥammad Zakariyyā. *Uṣūl al-Fiqh*. al-Qāhirah: Dār al-Thaqāfah li al-Nasyr wa al-Tawzī‘, t.t.
- al-Qarāfi, Aḥmad ibn Idrīs. *Anwār al-Burūq fī Anwā‘ al-Furūq*. Beirut: Dār ‘Ālam al-Kutub, t.t.
- al-Qarāfi, Aḥmad ibn Idrīs. *Syarḥ Tanqīḥ al-Fuṣūl*, ed. Ṭāhā ‘Abd al-Ra‘ūf Sa‘d. al-Qāhirah: Syarikah al-Ṭibā‘iyyah al-Fanniyyah al-Muttaḥidah, 1973.

- al-Raysuni, Qutb. *Šinā'ah al-Fatwa fī Qadāyā al-Mu'āsirah*. Beirut: Dar Ibn Hazm, 2014.
- al-Suyūṭī, 'Abd al-Rahmān ibn Abī Bakr. *al-Asybah wa al-Nazā'ir*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1990.
- al-Syāṭibī, Ibrahim bin Musa. *Al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Syarī'ah*. ed. Masyhur bin Salman Ali Hasan. al-Qāhirah: Dar Ibn 'Affān, 1997.
- al-Syawkānī, Muḥammad ibn 'Alī. *Irsyād al-Fuḥūl ilā Tahqīq al-Haqq min 'Ilm al-Uṣūl*. Riyāḍ: Dār al-Faḍīlah li al-Nasyr wa al-Tawzī', 2000.
- al-Ṭūfī, Sulaymān ibn 'Abd al-Qawī. *Syarḥ Mukhtaṣar al-Rawḍah*. ed. 'Abd Allāh ibn 'Abd al-Muḥsin al-Turkī. Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 1987.
- Bayyah, Abdullah. *Masyāhid Min al-Maqāsid*. Dubai: al-Muwatta' Centre, 2018.
- Bayyah, Al-Mauqī' al-Rasmi li al-'Allamah al-Sheikh Abdullah. "Naṣ al-Bayān al-Khitāmī, Muktamar Fiqh al-Ṭawāri." Diakses pada 18 April 2026. <http://binbayyah.net/arabic/archives/4710>.
- Che Ibrahim, Mohd Asri dan Shukeri Mohamad. "Pelaksanaan Dasar Kesenian Di Negeri Kelantan dari tahun 1990 hingga 2015: Analisis menurut siasah syar'iyah." *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 17, no. 1 (2018): 87-102. <https://doi.org/10.37231/jimk.2018.17.1.265>.
- Darmawan, Alan. "A Methodological Examination of Multidisciplinary Research of Mak Yong Theatre: Text, Heritage, and Performance." *SPAJA Journal* 5 (2021). <https://doi.org/10.26721/spafajournal.2021.v5.680>.
- Darmawan, Alan. "Erecting the submerged tree trunk: Mak Yong theatre and practices of traditionalisation in the Riau Islands, Indonesia." *Indonesia and the Malay World* 52, no. 152 (2024): 4-28, <https://doi.org/10.1080/13639811.2024.2294612>
- Daud, Zahari. Main Peteri: Satu Cara Perubatan Tradisi dalam *Warisan Kelantan I*, ed. Khoo Kay Kim. Kelantan: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, 1998.

- Fail Mesyuarat Jamaah Ulama MAIK. D231/2-1/Kulit 4, 1995.
- Farj, Sa'īd ibn Aḥmad Šāliḥ dan Bā Bakar al-Khiḍr al-Ṭābidī. "I'māl Qā'idat Sadd al-Dharā'i' fi Muwājahat al-Taṭarruf al-Fikrī." *Majallah Kulliyah al-Dirasat al-Islamiyyah wa al-'Arabiyyah li al-Banat* 5, no. 33, (2017): 22, <https://doi.org/10.21608/BFDA.2017.20360>
- Gonzales, Joseph. "Makyung in Contemporary Malaysia: Strategies for Preservation and Proliferation." *Journal of Dance Education* 21, no. 2 (2021): 82–91. doi:10.1080/15290824.2019.1683564.
- Hardwick, Patricia Ann. "A King, A Palace, A Country: Exploring The Conceptualization Of The Body In Mak Yong Healing Performances In Kelantan, Malaysia." Dalam *Proceedings 2nd Symposium Philippines: ICTM Study Group On Performing Arts Of Southeast Asia*, 208-213.
- Hardwick, Patricia Ann. "Embodying the divine and the body politic: Mak Yong performance in rural Kelantan, Malaysia." Dalam *Performance, popular culture, and piety in Muslim Southeast Asia*. New York: Palgrave Macmillan US, 2013.
- Hardwick, Patricia Ann. "Mak Yong, a UNESCO "Masterpiece" Negotiating the Intangibles of Cultural Heritage and Politicized Islam." *Asian Ethnology* 79, no. 1 (2020): 67-90. <https://doi.org/10.15119/00003124>
- Hardwick, Patricia Ann. "The Body Becoming: Transformative Performance in Malaysian Mak Yong." *Music & Medicine* 6, no. 1 (2014): 40-48. <https://doi.org/10.47513/mmd.v6i1.151>.
- Hashim, Nadiyah, Ahmad Rozaini Ali Hassan, Syaimak Ismail, Hajar Opir, Nurliyana Mohd Talib, dan Noor Azura Zainuddin. "Hiburan Dan Kesenian Di Malaysia: Maqasid Syariah Sebagai Indikator." *International Journal Of Law, Government And Communication (IJLGC)* 10, no. 40 (2025): 234-243. <https://doi.org/10.35631/IJLGC.1040017>.

- Hiba, Lamine, Noor Naemah Abdul Rahman, dan Rusldi Ramli. "منهج البحث في علم أصول الفقه نحو تحديد المصطلح: Research Methodology in the Science of Jurisprudence Towards Defining the Term." *Jurnal Fiqh* 20, no. 2 (2023): 291-314. <https://doi.org/10.22452/fiqh.vol20no2.5>.
- Hussin, Noor Zatul Iffah, Nor Alia Fahada Ab Rahman, Siti Falindah Padlee dan Anne Buchman. "An exploratory study on the challenges in preserving Mak Yong in the East Coast of Malaysia." Dalam 4th UUM International Qualitative Research Conference (QRC), 2020.
- Ibn 'Āsyūr, Muḥammad al-Ṭāhīr ibn Muḥammad. *Maqāṣid al-Syarī'ah al-Islāmiyyah*. Qaṭar: Wizārat al-Awqāf wa al-Syu'ūn al-Islāmiyyah, 2004.
- Jabullah, Ahmad. "Maqāṣid al-Syarī'ah fī Qawānīn al-'Amal wa Ḥuqūq al-Insān," Dalam *Taf'īl Maqāṣid al-Syarī'ah fī al-Majāl al-Siyāsī*, ed. Muhammad Salim al-Awwa. London: Mu'assasah al-Furqān li al-Turāth al-Islāmī, 2014.
- Khallāf, 'Abd al-Wahhāb. *Ilm Uṣūl al-Fiqh al-Qāhīrah*: Maktabah al-Da'wah, t.t.
- Lee Suan, Chong dan Mohammad Affiq Kamarul Azlan. *Surviving Kelantanese Makyung*. Kelantan: UMK Press, 2018.
- Ma'rif, Toha. "Fiqh Indonesia Menurut Pemikiran Hasbi Ash-Shiddiqi, Hazairin dan Munawir Syadzali." *Ijtima'iyya: Jurnal Pengembangan Masyarakat Islam* 8, no. 2 (2015): 27-56. <https://doi.org/10.24042/ijpmi.v8i2.910>
- Marinsah, Syamsul Azizul, Mohd Anuar Ramli, Khairul Azhar Meerangani, dan Muhammad Sayuti Sabdan. "Pengambilkiraan 'Urf dan Adat dalam Fatwa Semasa: Analisis Terhadap Adat Kematian Bajau di Sabah." *Journal Of Fatwa Management And Research* 12, no. 1 (2018): 73-91. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol12no1.19>.
- Mat Rafi, Nur Amalina dan Raja Iskandar Raja Halid. "Warisan Perubatan Tradisional Dalam Seni Silat Di Kelantan, Malaysia." *International Journal of Creative Future*

and Heritage (TENIAT) 9, no. 2 (2021): 36-59.
<https://doi.org/10.47252/teniat.v9i2.740>.

- Minit Mesyuarat Jamaah Ulama Majlis Ugama Islam Kelantan
Kali Kelima, 10 Oktober 1968.
- Misranetti, Misranetti. "Sadd Al-Dzari'ah Sebagai Suatu Hukum
Metode Istinbat Hukum Islam." *Jurnal An-Nahl* 7, no.
1 (2020): 51-75. <https://doi.org/10.54576/annahl.v7i1.5>
- Mohd Amin, Juriah dan Huzaimah Ismail. "Pendekatan Terapi
Ruqyah Dalam Ilmu Perubatan Melayu Tradisional:
Kajian Terhadap Kitab Mujarrobat al-Fawa'id." Kertas
kerja ICOMHAC 2015 eproceedings, Century Helang
Hotel, Pulau Langkawi, 16-17 Disember 2015.
- Mohd Kasim, Mohamad Iqbal et al. "Definition of Al-'Illah:
Viewing Through Aspects of Arabic Language and
Iṣṭilāḥ (Terminological) of Usul Fiqh
Scholars." *Perdana: International Journal of Academic
Research* 21, no. 1 (2024): 1-8.
- Muhammed Yusof. "Islamisasi Seni Muzik: Alternatif Masa
Kini." dalam *Majalah Pengasuh*, no. 592 (2005) Majlis
Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 2005.
- Musa, Azlina dan Yusmilayati Yunos. "Simptom-Simptom
Penyakit Dalam Main Teri: Satu Kajian Kes Di
Kampung Pasir Mas, Kelantan." *Jurnal Melayu* 8, no. 1
(2011): 233-235.
- Mustafa, Nurulhuda Adabiah dan Nuraisyah Chua Abdullah. "The
Non-Shariah and Syariah Makyung in Kelantan: A
Legal Critique." *International Journal of Academic
Research in Business and Social Sciences* 12, no. 11
(2022): 3114-3128.
<https://dx.doi.org/10.6007/IJARBS/v12-i11/15767>.
- Mustafa, Nurulhuda Adabiah, Nuraisyah Chua Abdullah dan Azni
Mohd Dian. "Survival of Makyung in Kelantan: The
Challenge under the Federal Centric Enviroment."
Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu 13, no. 2
(2020): 253-270. [https://doi.org/10.37052/jm.13\(2\)no4](https://doi.org/10.37052/jm.13(2)no4)

- Nik Hassan, Nik Anwar. "Selayang Pandang Sejarah Kelantan." Dalam *Warisan Kelantan XV*, ed. Nik Mohammed Nik Mohd Salleh. Kelantan: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, 1996.
- Noor Hissham, Muhammad Khairul Hafiz, Mohd Anuar Ramli, dan Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar. "Unsur Kearifan Tempatan Dalam Seni Persembahan Melayu-Islam: Analisis Dari Perspektif Hukum Islam." *Jurnal Fiqh* 16, no. 2 (2019): 321-352. <https://doi.org/10.22452/fiqh.vol16no2.4>.
- Rachmadhani, Fajar, Mualimin Mochammad Sahid, dan Muchammad Ichsan. "The use of Sadd Al-Dhari'ah on contemporary Islamic family law in Indonesia: Concept and practice." *Malaysian Journal of Syariah and Law* 12, no. 1 (2024): 206-215. <https://doi.org/10.33102/mjisl.vol12no1.505>
- Shafii, A.S Hardy. "Sejarah Perjalanan Makyung," Dalam *Makyung: Pelbagai Perspektif Tentang Teater Tradisional Malaysia*, eds. A.S Hardy Shafii, Jason Tye Kong-Chiang dan Shanthi Balraj Baboo. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017.
- Sripaoraya, Kanit. "The Kelantan Mak Yong: Dancing Towards a Compromise Between Culture and Religion." *Harmonia: Journal of Arts Research and Education* 22, no. 1 (2022): 15-27. <http://dx.doi.org/10.15294/harmonia.v22i1.34913>
- Swee Tin, Lim dan Mohd Sulhie Yusuf. *Menyingkap Rahsia, Merungkai Mitos Peteri: Kesenian Terapi Tradisional*. Kelantan: Universiti Malaysia Kelantan, 2019.
- Wandi, Sulfan, "Eksistensi 'Urf Dan Adat Kebiasaan Sebagai Dalil Fiqh". *Samarah: Jurnal Hukum Keluarga Dan Hukum Islam* 2, no. 1, (2018) : 181-196. <https://doi.org/10.22373/sjkh.v2i1.3111>.
- Yaacob, Hamidah. "Hiburan Tradisional Kelantan." Dalam *Warisan Kelantan I*, ed. Khoo Kay Kim. Kelantan: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, 1998.

- Yusof, Ghulam-Sarwar. "Mak Yong: The Ancient Malay Dance-Theatre." *Asian Studies Journal Of Critical Perspectives on Asia* 20 (1982): 108-121.
- Yusof, Ghulam-Sarwar. "The Mak Yong Dance Theatre as Spiritual Heritage: Some Insights." *SPAJA Journal* 1, no. 1 (2017): 2. <https://doi.org/10.26721/spafajournal.v1i0.160>.
- Yusof, Muhammad Yusri dan Mohd Anuar Ramli. "Kearifan Tempatan Dalam Adat Kematian Masyarakat Melayu Dari Perspektif Uruf." *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa* 21, no. 1 (2020): 21-37. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol21no1.303>.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. "Irsyad al-Fatwa #3249: Mak Yong." Diakses pada 20 Jun 2026. <https://zulkifliabakri.com/artikel/mak-yong>.
- Zulkifli, Zulkifli, Ahmad Zikri, Dwi Wahyu Artiningsih, Zainuddin Zainuddin, dan Abdul Helim. "Revitalizing 'Urf in State Legal Development: The Case of Minangkabaunese Marriage Traditions." *Al-Istinbath: Jurnal Hukum Islam* 9, no. 2 (2024): 841-62. <https://doi.org/10.29240/jhi.v9i2.11034>.